



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

24 JULAI 2014

KENYATAAN MEDIA PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC), DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED BERHUBUNG PENUBUHAN JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN INTEGRITI (JITU).

KUALA LUMPUR, 24 JULAI – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu Jawatankuasa Tadbir Urus dan Integriti (JITU) yang ditubuhkan kerajaan di setiap kementerian serta Jabatan Persekutuan di negeri-negeri, turut dianggotai pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara bagi menjamin keberkesannya.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata PAC menyambut baik inisiatif yang dilakukan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low untuk menubuhkan jawatankuasa berkenaan kerana ia akan meningkatkan integriti serta tadbir urus kerajaan yang lebih telus serta efisien.

Katanya, penubuhan JITU itu, sama seperti yang diamalkan dalam sektor korporat dan ia menjamin syarikat terbabit sentiasa mengamalkan budaya integriti serta urus tadbir yang baik.

“Pada masa sama, jika kerajaan mahu memastikan bahawa JITU mahu mempunyai lebih keberkesanan, jawatankuasa berkenaan juga boleh turut melaporkan kepada PAC, yang dapat bertindak sebagai sebuah badan bebas daripada campur tangan eksekutif dalam menangani isu salah guna kuasa dan rasuah dalam Sektor Perkhidmatan Awam,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, usaha kerajaan untuk menambah baik sistem penyampaian kerajaan perlu dijalankan seiring dengan membasmi gejala Penyelewengan, Pemborosan dan Penyalahgunaan (3P) dalam sektor perkhidmatan awam.

Katanya, beliau bersetuju dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kuasa serta imej Unit Audit Dalaman setiap kementerian dan Jabatan Persekutuan yang akan bekerjasama dengan Pegawai Integriti Bertauliah yang dilantik jawatankuasa berkenaan.

Beliau berkata, selain itu, jawatankuasa berkenaan yang akan dipengerusikan secara bersama antara Menteri di peringkat kementerian serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap integriti serta tadbir urus juga membolehkan pemantauan serta keputusan lebih telus dapat dilaksanakan.

“Memang kita perlu akui bahawa ada segelitir arahan datang daripada Menteri yang boleh menjurus kepada gejala 3P sebagai contoh dalam kes Bank Rakyat, tetapi dengan adanya pemantauan terus daripada Menteri bertanggungjawab yang turut sama dipengerusikan jawatankuasa berkenaan, sebarang penyalahgunaan dapat dikesan dengan lebih awal.

“Ia sekaligus dapat mengelakkan kerajaan khususnya, anggota Kabinet terbabit dalam sebarang arahan atau keputusan yang mempunyai kaitan dengan salah guna kuasa serta penyelewengan,” katanya.

Nur Jazlan juga mahu semua kakitangan awam turut memainkan peranan masing-masing dalam menangani masalah rasuah serta salah guna kuasa di tempat kerja masing-masing.

“Tidak ada gunanya, pelbagai usaha dilakukan kerajaan untuk menangani masalah ini, tetapi kakitangan awam gagal memainkan peranan mereka dalam membanteras rasuah serta salah guna.

“Jika, mereka mendapati ada sebarang projek yang tidak menepati prosedur kerajaan dan wujud gejala rasuah serta salah guna kuasa, laporan perlu dibuat dengan segera yang kini boleh dilakukan dengan pelbagai cara termasuk menggunakan emel,” katanya.